Norhardi Bin Saad

From: Jabatan Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, February 25, 2025 4:43 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: TUNKU MAHKOTA KEDAH TINJAU PUSAT SUKAN UUM, SERU LAHIRKAN ' THINKING ATHLETE'

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

Your Reliab
DIGITAL INFORMATI

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT M

25 FEBRUARI 2025 / 26 SYAABAN 1446H
==========

Oleh: Bakhari Che Mohamed Ariff
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

TUNKU MAHKOTA KEDAH TINJAU PUSAT SUKAN UUM, SERU LAHIRKAN ' THINKING ATHLETE'



UUM ONLINE: SINTOK, 25 Februari – Duli Yang Amat Mulia Tunku Shazuddin Ariff Ibni Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Tunku Mahkota Kedah yang juga Pro-Canselor Universiti Utara Malaysia

(UUM) pagi tadi berkenan berangkat ke Pusat Sukan UUM bagi meninjau fasiliti sukan universiti tersebut.

Keberangkatan baginda disambut oleh Naib Canselor UUM, Prof. Dato' Dr. Mohd Foad Sakdan.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UUM, Profesor Dr. Ahmad Martadha Mohamed; Pengarah Majlis Sukan Kedah, Zulzuraidy Othman; serta Pengarah Pusat Sukan UUM, Dr. Nasiruddin Haron.



Dalam sesi lawatan itu, Tunku Mahkota Kedah menekankan kepentingan usaha berterusan oleh Pusat Sukan UUM dalam melahirkan atlet yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang sukan tetapi juga memiliki pemikiran yang kritis dan cerdas, atau dikenali sebagai thinking athlete.

Menurutnya, kecemerlangan dalam arena sukan harus berjalan seiring dengan keunggulan akademik, selaras dengan aspirasi universiti dalam membentuk graduan yang holistik dan berkebolehan dalam pelbagai aspek kehidupan.



Tuanku turut menyeru satu kerjasama strategik antara UUM dan Majlis Sukan Kedah bagi merangka inisiatif melahirkan lebih ramai olahragawan terbilang dari negeri ini yang mampu bersaing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sebagai sebahagian daripada lawatan ini, Tunku Mahkota Kedah turut berkenan meninjau beberapa fasiliti utama di Pusat Sukan UUM, termasuk kolam renang, dewan serbaguna, gelanggang skuasy, studio e-sukan, gimnasium, arena sukan, serta trek stadium.

Baginda kemudian meneruskan keberangkatan ke majlis santapan tengah hari di Dusun Riffaa, Changloon.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no

responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.